

16/05/2003

Personaliti TV penerima Anugerah Duta Belia

KUALA LUMPUR: Personaliti televisyen yang juga penggemar sukan lasak, Maznah Zulkifli, dipilih sebagai penerima sulung Anugerah Duta Belia sempena sambutan Hari Belia Negara 2003.

Anak kelahiran Johor berusia 29 tahun itu mengetepikan empat calon lain menerusi undian yang dilakukan secara sistem pesanan ringkas (SMS) oleh golongan belia di seluruh negara.

Maznah menerima trofi daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sempena Perhimpunan Hari Belia Negara 2003 di Stadium Putra, Kompleks Sukan Bukit Jalil, semalam.

Anugerah Duta Belia yang mula diperkenalkan tahun ini, bertujuan memberi pengiktirafan kepada individu belia negara yang mempamerkan kecemerlangan dalam bidang merangkumi seni, sukan, fesyen, industri, keusahawanan, reka cipta, teknologi maklumat dan kerjaya, sama ada di peringkat tempatan atau antarabangsa.

Empat finalis lain yang dicalonkan bagi anugerah itu ialah Aziwahija Yeop, 31; Jerry Kamit, 27; Ang John Wei, 16; dan Chan Yuen-Li, 35.

Maznah ketika ditemui selepas itu berkata, golongan belia perlu memiliki semangat kental dalam apa yang dilakukan dan tidak mudah mengalah walaupun terpaksa berdepan dengan pelbagai rintangan.

"Kita harus berfikiran positif dan tidak perlu takut dengan cabaran kerana kesukaran itulah yang akan membentuk jatidiri yang kental, seterusnya mampu menjadikan kita individu yang berguna kepada bangsa, agama dan negara.

"Saya terharu dengan pengiktirafan ini dan menyifatkannya sebagai pendorong untuk saya meningkatkan pencapaian dalam segala bidang yang diminati," katanya yang aktif dalam bidang sukan bermotor dan sukan lasak, pengiklanan, pengacara serta drama.

Nama Maznah turut tercatat dalam 'Malaysia Book of Records' sebagai wanita Asia pertama terbang menggunakan paragliding bermotor.

Pengerusi Belia Negeri Sembilan, Datuk Hassan Malek, 53, dipilih sebagai Tokoh Belia Lelaki manakala Pesuruhjaya Negeri Persatuan Bulan Sabit Merah Perak, Lau Kwai Chun @ Yoon Kwai Choon, yang juga dalam Pergerakan Pandu Puteri, dinamakan sebagai Tokoh Belia Wanita.

Yang Dipertua Majlis Daerah Alor Gajah, Idris Haron, 37, dipilih sebagai penerima Anugerah Belia Negara kategori Kepemimpinan; Zaidi Japar, 34, bagi kategori Keusahawan dan Mohd Asrul Ismail, 22, bagi kategori Kesukarelaan.

Anugerah Perdana Pertubuhan Belia pula dimenangi Persatuan Belia Generasi Tenaga Remaja Felda Sungai Sayong, Kota Tinggi, Johor.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan persembahan koir Rakan Muda yang menyanyikan lagu 'Keranamu Malaysia' dan 'Menggerak Belia Negara'.

Sebaik Dr Mahathir menekan butang tanda perasmian, kira-kira 15,000 belia daripada pelbagai pertubuhan yang hadir, disajikan dengan pertunjukan laser diadakan dan diikuti oleh lafaz ikrar belia beramai-ramai yang diketuai Mohd Rafizi Zamari.

Pada majlis yang sama, Perdana Menteri turut menerima sumbangan RM300,000 daripada MBM bagi Tabung Keamanan Antarabangsa Malaysia.